

Kritikan tidak jejas pelaksanaan projek RMK-9

UM- 12/12/2006

KUALA LUMPUR 11 Dis. - Pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) tidak terjejas walaupun kerajaan dilemparkan dengan pelbagai kritikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, kebanyakan maklum balas yang diterima mengenai RMK-9 adalah positif setelah program-program penjelasan yang dibuat diterima baik oleh rakyat.

"Malah, sebarang kritikan terhadap RMK-9 akan terus dijawab dan dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri, serta agensi-agensi kerajaan berkaitan.

"Tidak timbul 'masalah besar' kepada kestabilan ekonomi dan keselamatan negara ekoran kritikan yang dibangkitkan," katanya ketika menjawab soalan **Che Azmi Abdul Rahman (BN-Kuala Nerus)** pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Sebelum itu, Che Azmi bertanyakan mengenai kesan tindakan berterusan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim 'menghentam' dasar-dasar kerajaan, serta pelaksanaan RMK-9.

Mohamed Nazri berkata, program pembangunan yang tersenarai di bawah RMK-9 merupakan agenda penting di bawah pentadbiran dan pengurusan kerajaan.

Katanya, Abdullah telah mengambil inisiatif untuk memastikan usaha-usaha pelaksanaan projek RMK-9 digiatkan sama ada pada peringkat kementerian, agensi pusat atau jabatan.

Katanya, di samping itu, Perdana Menteri turut mempengerusikan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara yang ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan program dan projek berimpak tinggi di bawah RMK9.